

17/09/2003

Bezanya janji kerajaan BN, pembangkang

JAMINAN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kerajaan Barisan Nasional (BN) akan meneruskan agenda membangunkan negara termasuk di Kelantan dan Terengganu seperti dijanjikan ketika kempen pilihan raya umum lalu, sewajarnya diberi perhatian serius oleh rakyat, khususnya di kedua-dua negeri yang dikuasai pembangkang itu. Ini jelas membuktikan keikhlasan Kerajaan BN walaupun menyedari ada di kalangan pemimpin dan ahli Pas yang bukan saja tidak pandai berterima kasih terhadap pelbagai kemudahan yang disediakan, malah tidak tahu bersyukur dengan nikmat yang mereka kecapai. Oleh itu, rakyat sepatutnya dapat menilai semua ini kerana bukan semua parti yang membentuk kerajaan boleh menunaikan janji mereka.

Berdasarkan pepatah Melayu, jika kerbau dipegang pada talinya, manusia pula dipegang pada janjinya, kita sewajarnya menolak pihak yang hanya pandai berjanji tetapi tidak mengotakannya. Mungkin pelbagai alasan boleh diberikan, tetapi hakikatnya seperti kata Perdana Menteri, sebagai orang Islam jika kita tahu kita tidak mampu untuk menunaikan janji, adalah lebih baik kita tidak membuat janji. Sememangnya, kita perlu menoleh ke belakang dan menyemak bagi melihat siapa yang menunaikan janji dan siapa sebaliknya supaya kita tidak lagi tersalah membuat keputusan disebabkan terpengaruh dengan janji manis yang ternyata palsu.